

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	8 / 5 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	2	RUANGAN	

TH lapor polis kes kebocoran dokumen

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) semalam membuat laporan polis berhubung kebocoran dokumen dan maklumat TH dalam urusan perbelian tanah di Tun Razak Exchange (TRX).

Laporan dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi kira-kira jam 4 petang semalam oleh Timbalan Pe-

ngarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah.

Blog The Benchmark yang menyiaraskan dokumen itu pada Selasa lalu mendakwa TH menjalankan urus niaga pembelian dua bidang tanah daripada pada harga RM772 juta.

Johan menafikan dan ber-

kata TH meluluskan pembelian tanah bernilai RM188.5 juta dengan kadar diskain berdasarkan nilai pasaran semasa selain dinilai oleh penilaian bebas profesional di dalam pengetahuan pihaknya.

"Cadangan pembelian itu adalah untuk pembangunan apartmen servis yang dilaksanakan oleh anak syarikat TH yang dijangka akan memberi pulangan positif kepada kumpulan TH pada masa hadapan," katanya.

Johan berkata, kebocoran maklumat di blog berkenaan tidak membuktikan bahawa

cadangan pelaburan terbabit sudah diluluskan oleh TH.

"TH tidak pernah sama sekali membenarkan perbuatan mendahului maklumat sulit kerana ia bercanggah dengan Akta Tabung Haji 1995 dan polisi TH. TH memandang serius penyebaran maklumat ini kerana ia adalah sulit dan menyalahi undang-undang," katanya.

Beliau berkata, tujuan pihaknya membuat laporan polis bagi meminta pihak berkuasa menyiasat kebocoran maklumat laporan sulit TH berhubung urus niaga yang tersebar di internet.